

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

24. Berapakah jangka masa pemindahan tapak penjaja Anjung Gurney selepas Gurney Wharf disiapkan serta disediakan dengan utiliti lengkap seperti surau, bumbung, perkakas tanpa saingan tapak penjaja tambahan untuk menjaga mata pencarian penjaja asal?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Komponen projek pembangunan Gurney Wharf adalah pembinaan *hawker center* dan kemudahan *food and beverage area*. Memandangkan projek ini masih dalam peringkat awal pembangunan dan dijangka siap dalam tempoh 18 hingga 24 bulan iaitu pada tahun 2022, konsep pengurusan ruang niaga Gurney Wharf, bilangan unit ruang niaga, kadar sewa dan penyelenggaraan masih dalam peringkat perbincangan serta belum dimuktamadkan.

Kerajaan Negeri akan memastikan bilangan ruang niaga baharu yang disediakan adalah sama atau melebihi ruang sedia ada serta fasiliti dan utiliti lengkap disediakan terlebih dahulu sebelum pemindahan para penjaja dilaksanakan. Ia adalah selaras dengan hasrat untuk menjadikan projek ini sebagai tempat ikonik kawasan awam di dalam bandar berhadapan laut iaitu Seafront Park-In-The-City.

Urusan pemindahan dan tawaran kepada para penjaja akan dilaksanakan bersama Bahagian Pelesenan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memandangkan Astaka Anjung Gurney adalah di bawah seliaan MBPP. Berdasarkan rekod, terdapat seramai 111 penjaja yang berdaftar dengan MBPP bagi Astaka Anjung Gurney.

Bagi memastikan proses pemindahan yang sistematik dan penjaja sedia ada diberi keutamaan, sesi *Hawkers' Engagement* akan diadakan bagi mendapatkan persetujuan penjaja sama ada bersetuju untuk berpindah ke lokasi baharu di Gurney Wharf atau tidak. Sekiranya bersetuju, Surat Setuju Terima akan diberikan kepada para penjaja terlibat.

Seterusnya, ruang niaga akan ditawarkan kepada penjaja lain sekiranya terdapat baki kekosongan ruang niaga. Tempoh masa yang diperlukan adalah antara enam (6) hingga sembilan (9) bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan.